

SOALAN-SOALAN LAZIM – FELLO PASCA DOKTORAL (FPD)

Pelantikan FPD

1. Apakah tempoh minimum pelantikan baharu FPD?

Tempoh minimum pelantikan baharu FPD dibawah tajaan USM adalah selama 1 tahun manakala tempoh minimum pelantikan baharu FPD yang menggunakan tajaan selain tajaan USM adalah selama 6 bulan.

2. Bilakah permohonan FPD dibuka?

Permohonan FPD akan dibuka setiap tahun (tertakluk kepada kewangan Universiti).

3. Bolehkah FPD dilantik selain dari menggunakan tajaan FPD USM?

Ya, FPD dibenarkan dilantik menggunakan pembiayaan selain daripada dana USM.

4. Bagi FPD yang menerima tajaan dari agensi / badan / syarikat luar, adakah masih boleh menikmati faedah perubatan?

FPD layak menerima kemudahan perubatan untuk diri sendiri sahaja di Pusat Sejahtera / Klinik IPPT / Hospital USM (HUSM).

5. Bolehkah FPD dilantik semula? Apakah tempoh minimum dan maksimum pelantikan semula FPD?

FPD dibenarkan memohon untuk lantikan semula dengan tempoh seperti berikut:

- Tajaan USM – Maksimum lantikan semula 1 tahun
- Tajaan selain USM – Minimum bulan dan Maksimum 1 tahun selama 5 tahun.

6. Sekiranya seorang FPD dilantik di bawah tajaan USM selama dua tahun, bolehkah FPD disambung pelantikan baharu menggunakan tajaan luar atau tanpa bayaran?

Boleh tetapi FPD perlu mencapai KPI yang telah diberikan.

Penyelia FPD

1. Bolehkah penyelia bersama dilantik untuk seorang FPD?

Tidak dibenarkan. Hanya seorang Penyelia sahaja dibenarkan.

2. Bolehkah penyelia bersama dilantik di kalangan staf akademik dari Universiti lain?

Tidak dibenarkan. Hanya seorang Penyelia sahaja dibenarkan.

3. Bolehkah seorang penyelia mempunyai lebih dari seorang calon FPD?

Dibenarkan sekiranya tidak melibatkan tajaan USM.

Lapor Diri

1. Berapa lamakah tempoh yang dibenarkan bagi proses setuju terima pelantikan FPD?

3 bulan daripada tarikh Surat Lantikan.

2. Bolehkah tarikh lapor diri FPD dilanjutkan? Berapakah tempoh masa yang dibenarkan?

Boleh dipertimbangkan sekiranya mempunyai alasan yang kukuh.

3. Bagi FPD bukan warganegara yang melapor diri di Malaysia, adakah perlu melalui tempoh kuarantine yang ditetapkan?

Ya, FPD bukan warganegara perlu menjalankan tempoh kuarantine yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan segala kos perbelanjaan ini TIDAK ditanggung oleh Universiti.

Pembayaran FPD

1. Apakah jenis pembayaran yang boleh digunakan bagi pelantikan FPD?

Jenis pembayaran FPD terbahagi kepada 4 iaitu:

- i. Pembayaran USM
- ii. Geran Penyelidikan
- iii. Tajaan
- iv. Tanpa Pembayaran

2. Bolehkah geran penyelidikan digunakan untuk pembayaran FPD?

Hanya Geran Universiti Penyelidikan, Geran USM Jangka Pendek dan Geran Luar sahaja dibenarkan.

3. Bolehkah kadar honorarium lain dipertimbangkan bagi pelantikan FPD?

Dibenarkan sekiranya menggunakan selain tajaan USM.

4. Bolehkah FPD dilantik tanpa bayaran?

Ya.

5. Apakah VOT yang dikenakan bagi pembayaran honorarium untuk FPD?

Vot 29

6. Adakah FPD layak potongan KWSP dan SOCSO?

Ya. Proses ini perlu dilakukan sendiri oleh calon FPD.

7. Sekiranya FPD mendapat tawaran pembayaran luar, adakah FPD masih layak menikmati kemudahan seperti FPD tajaan USM?

Ya.

Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator – KPI*)

1. Apakah kesan sekiranya KPI bagi FPD dan penyelia tidak dapat dicapai?

FPD tidak akan dipertimbangkan untuk pelanjutan tahun seterusnya.